

UCAPAN
YAB DATO' SERI ABDULLAH BIN HAJI AHMAD BADAWI
SEMPENA EKSPLO KONVOKESYEN UUM 1999 KE-12
DI UUM, KEDAH
5 OGOS 1999

Marilah sama-sama kita bersyukur ke hadrat Allah s.w.t. kerana dengan izin dan limpah kurnia-nya dapat kita semua berkumpul pada hari ini di Majlis Perasmian Ekspo Konvokesyen UUM 1999 ke-12, atau ringkasnya di panggil "EKUUM `99". Saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk merakamkan ucapan setinggi-tinggi tahniah dan penghargaan kepada jawatankuasa penganjur EKUUM `99 kerana telah berjaya melaksanakan program tahunan universiti yang merupakan salah satu tanda kenangan bagi meraikan para graduan, yang bakal meninggalkan universiti ini, serta ahli keluarga masing-masing.

2. Saya amat tertarik dengan tema EKUUM '99, "sederap melangkah kejayaan terserlah". Pemilihan tema ini amat tepat pada waktunya. Di dalam hendak mencapai sesuatu kejayaan itu, kita tidak boleh berseorangan. Kita perlu bergerak secara kolektif. Sebagai contoh, terbentuknya sesebuah Institusi Pengajian Tinggi (IPT) itu adalah dari tiga komponen, iaitu terdiri daripada para ahli akademik, para pentadbir, dan para pelajarannya. Ketiga-tiga komponen ini perlu bijak dalam memainkan dan melaksanakan peranan masing-masing bagi menjamin agar kejayaan dapat dicapai. Para pensyarah sewajarnya memberi tumpuan bagi mencari jalan bagaimana dapat terus meningkatkan prestasi pencapaian akademik para pelajarannya dari semasa ke semasa. Para pentadbirnya pula perlu melihat dan mengenal pasti pendekatan-pendekatan pengurusan yang cekap dan efektif agar terus terserlahlah imej Universiti Utara Malaysia (UUM) sebagai `Universiti Pengurusan'. Manakala pelajarannya pula perlu sedar bahawa tanggungjawab seseorang pelajar itu ialah berusaha untuk memberi tumpuan yang sepenuhnya kepada pelajaran, dan tidak pula memikirkan perkara-perkara yang lain sehingga menjejaskan pencapaian akademik. Oleh yang demikian, bagi memastikan agar UUM sentiasa mencapai kejayaan dalam setiap bidang yang diceburi, maka ketiga-tiga komponen yang saya sebutkan tadi perlulah `melangkah sederap' dan bergerak secara kolektif.

3. Kalau kita lihat pula peranan IPT dalam membangunkan masyarakat setempat, terdapat tiga komponen yang mempunyai peranan yang signifikan, iaitu pihak pengurusan universiti (termasuklah para pensyarah dan pentadbirannya), para pelajarannya dan ahli masyarakat sekitar. Dalam hal ini, saya merasakan perlulah pihak universiti terus mendorong agar para pelajarannya dapat meningkatkan minat mereka untuk melibatkan diri di dalam aktiviti kemasyarakatan. Dengan berbuat demikian, dapatlah mereka nanti melihat realiti hidup yang sebenarnya dan tidak pula terlalu terkongkong dengan idealisme yang dicipta daripada satu khayalan yang berlandaskan pada emosi semata. Masyarakat tempatan pula perlu merebut peluang di atas kewujudkan UUM ini di kawasan utara. Dan, UUM pula perlulah meningkatkan peranannya sebagai `pemangkin' dalam proses pembangunan negara di kawasan utara ini. Sebagai sebuah `Universiti Pengurusan', UUM sewajarnya menjadi `penggerak' ke- arah pembangunan di kawasan utara semenanjung melalui mewujudkan hubungan erat dengan agensi-agensinya kerajaan dan pihak swasta serta masyarakat sekitarnya melalui aktiviti-aktiviti seperti konvensyen, seminar, bengkel, kursus, pameran, dan juga program-program kemasyarakatan seperti khidmat masyarakat, perundingan dan seumpamanya. Dalam konteks ini pula, kejayaan

dalam usaha ingin membangunkan masyarakat setempat masih juga memerlukan `langkah yang sederhana'.

4. Saya difahamkan, di dalam ekspo konvokesyen kali ini, terdapat lebih kurang 70% daripada jumlah penyertaan keseluruhan adalah terdiri daripada para pelajar UUM. Ini adalah sesuatu yang amat membanggakan. Saya merasakan bahawa penyertaan mereka di dalam EKUUM '99 adalah merupakan satu latihan awal, ataupun satu pendedahan asas, di dalam bidang keusahawanan. Ini merupakan salah satu cara bagaimana seseorang pelajar itu mendapatkan `nilai tambah' untuk dirinya. Elemen nilai tambah yang saya maksudkan ialah ilmu pengurusan yang diperolehi daripada penyertaan mereka di dalam aktiviti-aktiviti perniagaan di ekspo konvokesyen ini. Dalam hal ini, ingin saya menasihatkan agar para pelajar perlu bijak dalam melakukan pengadunan antara ilmu teori yang dipelajari di dalam dewan-dewan kuliah dan pengalaman langsung yang diperolehi daripada aktiviti perniagaan yang diceburi.

Tuan-tuan dan puan-puan,

5. Saya sedar, banyak sekali dakwaan yang dilemparkan terhadap sistem pendidikan yang ada. Saya juga sedar, ada perasaan yang kurang senang dikalangan para akademia terhadap beberapa isu yang dikatakan tidak wajar. Malah, tentulah kita terpaksa juga mengakui, adanya kumpulan tertentu di sesetengah universiti yang mendalangi tindakan-tindakan yang tidak wajar yang berlaku dalam masyarakat kita hari ini. Walau apapun saya percaya golongan ini amatlah kecil. Saya percaya sebahagian besar daripada mereka ini tidak terlibat kerana mereka mempunyai tanggungjawab yang besar iaitu mendidik anak bangsanya supaya menjadi manusia yang berilmu, bermoral, berdisiplin dan tahu bersyukur.

6. Sebenarnya juga, kita perlu membuat muhasabah dan merenung sedalam-dalamnya terhadap apa yang telah kita nikmati selama ini. Kita jarang berterima kasih dan bersyukur kerana diberi peluang menjadi rakyat yang boleh berfikir dan menguasai ilmu sehingga berada di kedudukan sekarang. Hakikatnya, sistem yang ada inilah yang telah berjaya melahirkan sekian besar bilangan manusia yang memimpin dalam masyarakat hari ini.

7. Para pelajar pula perlu sedar bahawa terdapat beberapa perkara yang perlu diberikan perhatian sekiranya ingin terus memiliki sikap `tetap berusaha'.

- Ketekunan, usaha yang terus menerus, keinginan dan kemampuan untuk tetap berusaha adalah `kunci kejayaan'.

- Angan-angan sahaja tidak akan cukup untuk mencapai kejayaan. Usaha yang sungguh dalam melakukan tindakan harus menyertai inspirasi yang timbul.

- Keberuntungan pula merupakan kombinasi dari sifat-sifat peribadi sejati dan dinamis.

- Anda harus mengembangkan semangat untuk mengubah impian- impian menjadi kenyataan.

8. Seperti yang kita maklum, antara objektif diadakan Ekspo Konvokesyen oleh setiap IPT pada setiap tahun ialah untuk memeriahkan lagi `suasana' majlis konvokesyen, di samping untuk memperkenalkan universiti dengan lebih luas

kepada ibu bapa dan masyarakat luar. Tentang penganjurannya pula, ia dilakukan oleh IPT berkenaan. Saya percaya bahawa setiap agensi kerajaan juga mempunyai program tahunan masing-masing yang dianjurkan oleh organisasi berkenaan.

9. Sejalan dengan tema EKUUM '99, iaitu "sederap melangkah kejayaan terserlah", kenapa tidak melakukan sedikit kelainan dalam menganjurkan ekspo konvokesyen pada masa akan datang. Selain dari UUM mengadakan ekspo konvokesyennya, agensi-agensi kerajaan yang juga menganjurkan program tahunan mereka dalam tempoh yang sama, mengadakannya serentak di kampus sintok ini. Saya percaya suasana yang akan wujud akan menjadi lebih meriah lagi, dan seterusnya, akan dapat memberikan manfaat yang lebih banyak kepada para pengunjung yang terdiri daripada masyarakat pelajar, ibu bapa yang datang dari jauh dan ahli-ahli masyarakat setempat.

10. Saya juga berharap kepada agensi-agensi kerajaan, sekiranya anda mengadakan program-program, ataupun aktiviti-aktiviti, libatkanlah masyarakat pelajar sama. Perkara ini boleh dilakukan, sama ada melalui bahagian hal ehwal pelajar, atau dengan pihak kolej kediaman, ataupun mungkin boleh terus berhubung dengan badan-badan pelajar. Peluang-peluang sebegini amat penting diberikan kepada para pelajar agar dapat membantu mereka mempertingkatkan kemahiran mereka untuk berhubung dengan orang lain. Pendedahan seumpama ini juga akan dapat membantu para pelajar membentuk disiplin diri agar mereka lebih berkeyakinan dalam menguruskan diri mereka sendiri, dan tidaklah nanti mereka akan diperalatkan oleh mereka yang tidak bertanggungjawab.

Tuan-tuan dan puan-puan,

11. Saya rasa masih tidak terlewat untuk saya memberi ucapan tahniah dan syabas kepada UUM kerana telah menjadi universiti pertama mendapat pengiktirafan daripada pihak MSC. Memandangkan kedudukan UUM ini dikawasan utara, saya harap UUM dapat memainkan peranannya sebagai `pemangkin IT' di utara semenanjung ini. Kepada agensi-agensi kerajaan mahupun pihak swasta, saya merasakan adalah wajar kita merebut peluang daripada `status' yang dimiliki oleh UUM sekarang ini.

12. Saya berharap agar Ekspo Konvokesyen ke-12 ini akan dapat mencapai matlamat dan objektif yang diharapkan. Semoga ia dapat memberi pendedahan dan pengalaman kepada para pelajar, di samping mewujudkan sikap bertanggungjawab, berterima kasih dan bersyukur dengan apa yang telah disediakan oleh kerajaan.

13. Dengan lafaz `bismillah hirahman nirahim' dengan sukacitanya saya merasmikan "Ekspo Konvokesyen UUM 1999 ke-12".

Terima kasih.